

# MIGRASI ANTARABANGSA DAN PEMERDAGANGAN MANUSIA DI MALAYSIA: KAJIAN KES TERHADAP PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)

**Mohd Na'eim Ajis  
Kamarulzaman Askandar  
Saadon Awang**

## **ABSTRACT**

*Mobilization of immigrants into a country is something that cannot be prevented and even to some countries that encourage immigration because it may indirectly generate revenue and enhance the economic activities of a country. Due to various factors that affect migration among migrants, then there are some who are willing to enter a country illegally and they are known as illegal immigrants (PATI). However, much of the status of illegal immigrants have been exploited by certain parties, solely for profit. Although there are many studies on migrants conducted in Malaysia, most do not relate to the issue of trafficking in persons. Therefore, this article will discuss and reveal the experience of some illegal immigrants who have been exploited, especially during the admission process and their participation in economic activities. Exploitation is not peculiar to the status of illegal migrants, but those who are admitted with Trip Permits (Temporary Employment) have also been victims. The study was conducted in three main approaches, namely surveys, interviews and group discussion. The study found that some of the respondents who have been exploited by certain parties, especially in employment. Among the forms of exploitation are fraud, abuse, coercion, and so on. In conclusion, the immigrants are exposed to the risk of criminal activities of trafficking in persons and not just focus on illegal immigrants, even those who enter legally have also been exploited by certain parties.*

**Keywords:** *International Migration, Human Trafficking, Illegal Immigrants*

## **Pendahuluan**

Pemerdagangan manusia dianggap sebagai salah satu jenayah yang tertua dan telah dikesan sejak permulaan sejarah manusia, tetapi isu ini dilihat dari sudut yang baru dalam beberapa tahun lepas. Banyak kerajaan dan badan antarabangsa di dunia sedang membincangkan isu ini dan dianggap sebagai jenayah yang semakin meningkat sejak 1990-an. Faktor utama yang telah menyebabkan berlakunya jenayah adalah ekonomi dan globalisasi yang telah menggalakkan penghijrahan orang, terutama dari negara miskin ke negara yang kaya (Miko, 2007). Ruggiero (1997) menganggap jenayah pemerdagangan orang berlaku adalah disebabkan

aspek permintaan dan penawaran terhadap buruh, perkhidmatan dan organ yang tinggi. Faktor tersebut ditambah pula dengan pengagihan kekayaan yang tidak seimbang dan peluang pekerjaan yang kecil di negara miskin.

Konrad (2002) berpendapat faktor penarikan-penolakan yang berlaku di antara kedua-dua negara atau rantau, memainkan peranan yang penting dalam menyebabkan jenayah pemerdagangan orang. Faktor penarikan berlaku di negara destinasi seperti perkembangan ekonomi dan kestabilan politik. Manakala faktor penolakan berlaku di negara asal seperti kemiskinan, pengangguran dan konflik politik. Aktiviti pemerdagangan orang yang berlaku ketika ini telah menjadi semakin kompleks dan telah menjadi suatu industri yang *universal* serta tidak tertakluk kepada satu-satu negara. Mereka yang terlibat dalam pengoperasian jenayah ini telah memperolehi keuntungan yang berlipat kali ganda dan permintaan terhadapnya juga semakin meningkat. Menurut Jabatan Negara Amerika Syarikat bahawa, dianggarkan pihak yang terlibat dalam kegiatan memperdagangkan manusia ini akan memperolehi keuntungan di antara USD 1-3 bilion pada setiap tahun (United State Department, 2005). Manakala, *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) menganggap pemerdagangan manusia merupakan industri jenayah yang berkembang dengan cepat dengan keuntungan yang diperolehi sekitar USD 5 hingga USD 9 bilion setahun (UNODC, 2009).

Di Malaysia, aktiviti pemerdagangan orang telah menjadi suatu fenomena baru dalam konteks kegiatan jenayah rentas sempadan. Walaupun jenayah ini telah lama berlaku, tetapi termanya baru diperkenalkan, terutamanya apabila akta pemerdagangan orang diluluskan pada tahun 2008. Antara golongan yang sering dikaitkan dengan jenayah ini ialah golongan migran. Semakin tinggi jumlah migran di sesebuah negara, maka semakin tinggi cabaran kepada kerajaan untuk menangani jenayah rentas sempadan ini. Dalam isu jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, Malaysia telah memainkan peranan yang penting sebagai hub negara transit bagi sindiket penyeludupan. Dengan perkembangan ekonomi dan hubungan pengangkutan udara, Malaysia telah menjadi laluan utama aktiviti penyeludupan terutamanya ke Australia. Contohnya, kebanyakan rakyat China, Myanmar dan Pakistan, didapati cuba menjadikan Malaysia sebagai transit. Sementara rakyat Afghanistan, Sri Lanka dan Iraq pula telah menggunakan kapal menangkap ikan milik

rakyat Malaysia untuk menyeludup masuk ke perairan pantai Australia. Malahan, Malaysia dipercayai menjadi destinasi sindiket pemerdagangan orang untuk membawa masuk beribu-ribu pekerja asing, terutama dari Indonesia dan Filipina (Schloenhardt, 2001).

Kehadiran golongan migran juga sering digambarkan oleh pihak-pihak tertentu sebagai ancaman kepada keselamatan negara. McGahan (2008) yang membuat kajian 'Politik dalam Pengurusan Pendatang Asing di Malaysia' mendapati sebelum krisis ekonomi dunia 1997, migran tidak dianggap sebagai ancaman keselamatan. Namun selepas krisis tersebut, migran dianggap sebagai suatu ancaman kepada aspek keselamatan negara. Keadaan ini dilihat berlaku kerana golongan elit atau pemerintah telah berjaya mempengaruhi rakyat dengan membuat kenyataan terbuka mengenai implikasi migran kepada negara. Mereka telah mengaitkan migran dengan pelbagai implikasi negatif seperti jenayah dan penyakit. McGahan juga menegaskan pendatang asing, khususnya yang berstatus tidak sah berkemungkinan akan mudah menjadi mangsa pemerdagangan orang. Keadaan ini kerana mereka akan mudah dieksploitasi oleh pihak tertentu, seperti ejen atau majikan. Di Malaysia, banyak bahan penulisan yang berkaitan dengan pendatang asing, terutamanya PATI telah dihasilkan sama ada dalam bentuk seperti kertas kerja seminar, jurnal, tesis pelajar pasca siswazah dan prasiswazah. Namun begitu, kebanyakan penulisan dilakukan tidak mengaitkan PATI dengan isu pemerdagangan orang. Oleh itu artikel ini akan membincangkan mengenai bagaimana PATI berisiko menjadi mangsa aktiviti pemerdagangan orang dan mengenal pasti bentuk-bentuk pengeksploitasian yang telah berlaku terhadap mereka.

## **Metodologi Kajian**

Fokus kajian ini adalah kepada keadaan PATI yang berlaku di kawasan utara Semenanjung Malaysia terutama di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kajian ini menggunakan data primer dan sekunder yang dikumpulkan melalui beberapa kaedah seperti survei, temu bual, perbincangan berfokus secara berkumpulan, pemerhatian turut serta dan penyelidikan di perpustakaan. Temu bual dilakukan dengan pihak-pihak berkaitan dengan isu pendatang asing seperti Jabatan Imigresen, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), *Malaysia Trade Union Congress* (MTUC) dan Agensi Penguatkuasa

Maritim Malaysia (APMM). Kaedah secara perbincangan berfokus (*focus group discussion*) dan survei pula dilakukan dengan responden di Depoh Tahanan PATI Jabatan Imigresen Belantik, Sik, Kedah untuk mendapatkan gambaran sebenar secara *hands-on*.

Sampel kajian ini terdiri daripada PATI yang ditahan di Depoh Belantik, Sik Kedah dan juga mereka yang pernah menjadi PATI atau responden bebas. Sampel kajian telah diambil secara rawak bagi responden terkawal (*control group*), iaitu seramai 54 orang atau dianggarkan 10 peratus daripada jumlah tahanan seramai 543 orang pada hari berkaitan. Menurut pihak pengurusan depoh, jumlah atau statistik PATI sentiasa berubah-ubah setiap hari kerana bergantung kepada jumlah tahanan dan pengusiran yang dilakukan oleh pihak Imigresen. Oleh itu, data tersebut tidak diperolehi lebih awal untuk membuat perancangan berkaitan dengan sampel responden. Manakala bagi responden tidak dikawal atau bebas, kaedah kumpulan perbincangan berfokus dan temubual secara tidak formal telah dilakukan. Kebanyakan responden tersebut diperolehi sekitar Alor Setar, Sungai Petani dan Pulau Pinang, terutamanya di kalangan pelarian Myanmar yang masuk ke Malaysia secara haram sebelum mendapat status pelarian.

Selain kaedah temu bual, penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian turut serta untuk mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh PATI. Teknik-teknik yang digunakan adalah seperti melakukan lawatan ke pintu-pintu masuk sempadan, tempat-tempat laluan masuk dan penyeludupan PATI, serta tinjauan-tinjauan di dalam komuniti di mana terdapat aktiviti-aktiviti PATI, sama ada secara terang atau secara berselindung. Kawasan-kawasan yang dilawati adalah seperti Pulau Langkawi, Kuala Kedah, Pulau Pinang, Sungai Petani, Alor Setar, beberapa tapak binaan dan premis-premis perniagaan di sekitar negeri Kedah dan Perlis. Tempat-tempat dan aktiviti-aktiviti yang diperhatikan ini ditentukan secara persampelan bertujuan, dengan berdasarkan kepada rujukan-rujukan awal penyelidik.

Semua data dan maklumat yang diperolehi diproses dan dianalisis menggunakan laporan secara deskriptif dan analitikal, di mana perkara-perkara penting yang diperolehi dalam temu bual akan dikumpul dan disusun mengikut susunan tema isi (*thematic sequence*) dengan berpandukan kepada objektif dan soalan kajian yang ditetapkan. Isi-

isi penting ini kemudian dipersembahkan melalui penulisan pelaporan dengan disokong oleh fakta-fakta dan perbincangan secara komprehensif. Kajian ini menggunakan kajian kes sebagai data sokongan dan nama-nama yang digunakan adalah nama samaran.

### **Kajian Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Migrasi**

Dalam konteks makro-ekonomi neo-klasik, perbezaan upah antara negara merupakan faktor utama yang menyebabkan seseorang individu untuk bermigrasi. Perbezaan upah wujud disebabkan perbezaan antara permintaan dan penawaran buruh serta perbezaan faktor lain, seperti perbezaan produktiviti dan pengaruh kesatuan sekerja di sesebuah negara. Negara yang mempunyai penawaran buruh yang sedikit akan menikmati upah yang lebih tinggi. Sebaliknya negara yang mempunyai penawaran buruh yang ramai, akan menikmati keseimbangan upah yang lebih rendah. Perbezaan upah akan merangsang penghijrahan buruh dari negara upah yang rendah kepada negara yang mempunyai keupayaan pembayaran upah yang tinggi (Masey et al. 1993; Bauer & Zimmermann, 1994). Appleyard (1989) pula berpendapat, kepesatan pembangunan ekonomi dan aktiviti pembangunan di kebanyakan negara maju serta negara membangun telah menyebabkan sektor pekerjaan juga berkembang secara mendadak. Malah struktur pasaran buruh juga telah berubah. Aspek pembangunan dalam proses migrasi adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan dan perubahan aliran migrasi mempunyai kaitan dengan perubahan struktur ekonomi sesebuah negara. Dasar-dasar migrasi yang terdapat di negara penghantar dan penerima pendatang asing, sama ada dari aspek jumlah, hala tuju atau arah aliran akan bergantung kepada tahap perkembangan sosio-ekonomi sesebuah negara. Sehubungan itu, pengambilan pekerja asing sementara di sesebuah negara sangat relevan dan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi negara penghantar atau penerima.

Goss dan Linqvist (1995) berpendapat, seseorang akan membuat keputusan untuk berhijrah apabila dia merasa dapat memaksimumkan pendapatan mereka. Mereka yang memilih untuk berpindah ke negara lain, kebiasaannya akan mendapat pekerjaan yang lebih baik, terutama dari aspek gaji yang akan diperolehi berbanding dengan negara asal. Ketidakseimbangan pembayaran gaji dan perkembangan ekonomi di negara-negara serantau akan merangsang dan meningkatkan penghijrahan pekerja ke negara lain dalam rantau tersebut. Selain

daripada ketidakseimbangan ekonomi, pendekatan sesebuah negara yang fleksibel terhadap golongan migran juga boleh menjadi faktor penggalak kepada berlakunya migrasi. Borjas menganggap konsep negara kebajikan (*welfare state*) telah menjadi faktor penarik (*pull factor*) yang kuat untuk menggalakkan kemasukan golongan migran ke sesebuah negara. Keadaan ini akan merubah pertimbangan asas seseorang migran yang berpotensi sebelum melakukan penghijrahan. Beliau mendapati seseorang akan membuat keputusan bermigrasi berdasarkan peluang-peluang pekerjaan yang boleh diperolehi di negara destinasi. Namun begitu, apabila adanya negara kebajikan seperti Amerika Syarikat, Britain dan German yang mempunyai dasar sosial yang fleksibel dan bersedia memberikan bantuan kepada golongan migran, maka ini telah menyebabkan golongan migran yang tidak mempunyai kemahiran juga akan berhijrah semata-mata mempercayai mereka akan mendapat bantuan daripada negara destinasi tersebut (lihat Hollifield, 2000). Walau bagaimanapun, Griswold (2012) menganggap Amerika Syarikat bukanlah sebuah negara berkebajikan yang seperti diketahui umum sebelum ini. Keadaan ini disebabkan adanya pelbagai halangan perundangan kepada golongan pendatang untuk mendapatkan faedah kebajikan yang disediakan oleh kerajaan seperti yang diperuntukkan dalam *Welfare Reform Act 1996*. Akta ini tidak membenarkan golongan pendatang mendapatkan sumber awam dalam memenuhi keperluan mereka, melainkan hanya mencukupi keperluan sendiri (*self-sufficient*). Secara tradisionalnya, dunia sentiasa menganggap golongan pendatang akan menyebabkan kos penguatkuasaan meningkat dan membebankan pembayar cukai. Namun golongan pendatang di Amerika Syarikat tidak membebankan kerajaan secara jangka panjang. Bahkan sebahagian daripada golongan imigran dan kaum keluarga mereka terpaksa membayar lebih terhadap cukai berbanding penggunaan mereka terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

Dalam konteks mikro-ekonomi neo-klasik pula, Harris & Todaro (1970) menyatakan secara rasionalnya seseorang akan mengambil tindakan untuk bermigrasi kerana perbezaan gaji dan peluang pekerjaan di sesebuah negara lain adalah lebih utama, walaupun kebenarannya belum dapat dipastikan. Menurut Todaro, kadar imigrasi bagi sesebuah negara sumber secara positifnya ditentukan oleh perbezaan pendapatan perkapita di antara negara destinasi dan negara asal, tahap pengangguran di negara asal dan tahap peluang pekerjaan di negara destinasi. Secara

tak langsung, kadar imigrasi tersebut secara negatifnya bukan ditentukan oleh kadar pengangguran di negara destinasi dan peningkatan peluang pekerjaan di negara asal (lihat Franchino, 2009). Massey et al. (1993) berpendapat rasional seseorang individu bermigrasi adalah disebabkan faedah-kos yang dijangka akan didapati dalam bentuk kewangan. Oleh itu, migrasi antarabangsa dikonsepsikan sebagai suatu pelaburan dalam bentuk modal insan. Seseorang akan memilih untuk berhijrah apabila merasakan dia akan lebih produktif dengan memberikan kemahiran yang dimiliki. Walau bagaimanapun, sebelum mereka boleh memperolehi kerja dan gaji yang tinggi, mereka perlu membayar beberapa kos lain seperti kos mencari kerja, kos perjalanan, kos menghadiri kursus induksi untuk mempelajari bahasa dan budaya, serta kos-kos lain yang berkaitan. Oleh itu, Julie Da Vanzo (1981) berpendapat, seseorang yang hendak bermigrasi, percaya kepada faedah yang diperolehi akan melebihi kos yang dikeluarkan untuk tujuan migrasi. Kos tersebut termasuklah secara langsung atau tidak langsung seperti pengangkutan, kos mencari kerja, kesihatan, keluarga, rakan-rakan dan sebagainya. Malahan, migrasi pekerja bukan hanya terhad kepada pekerja yang separuh mahir dan tanpa mahir sahaja, tetapi juga melibatkan perpindahan kemahiran dari sesebuah negara ke negara lain.

### **Faktor Kenapa Berlakunya dan Langkah Mengatasi**

Sebelum membincangkan mengenai isu pemerdagangan orang, maka kita perlu memahami maksud pemerdagangan orang terutamanya dalam konteks undang-undang. Ini boleh memberikan gambaran serta dapat mengenal pasti bagaimana sesuatu aktiviti itu dianggap sebagai jenayah pemerdagangan orang dari elemen yang boleh mensabitkan seseorang sebagai mangsa. Oleh itu, *UN Convention on Transnational Organised Crime (2000)* telah mendefinisikan pemerdagangan orang sebagai ;

*“The recruitment, transportation, transfer, harbouring or receipt of person, by means of threat or other forms of coercion, of abduction, of fraud, of deception, of the abuse of power or of a position of vulnerability or of the giving or receiving of payments or benefits to achieve to consent of a person having control over another person, for the purpose of exploitation. Exploitation shall include, at a minimum, the exploitation of the prostitution of others or other forms of sexual exploitation, forced labour or services, slavery or practices similar to slavery, servitude or the removal of organs”*



Seksyen 2, Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 telah mendefinisikan pemerdagangan manusia atau memperdagangkan orang sebagai:

*“perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud **eksploitasi**”*

Manakala bagi pengertian eksploitasi pula Seksyen 2 mendefinisikan sebagai:

*“segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan **paksa**, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.”*

Bagi pengertian paksa, seksyen 2 mendefinisikan sebagai:

- a) Ancaman kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang.
- b) Apa-apa skim, rancangan atau corak yang diniatkan untuk menyebabkan seseorang untuk mempercayai bahawa kegagalan untuk menjalankan sesuatu perbuatan akan menyebabkan kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang.
- c) Penyalahgunaan atau ancaman penyalahgunaan proses undang-undang.

Terdapat beberapa elemen boleh dirungkaikan daripada definisi pemerdagangan orang, iaitu terdapat pergerakan atau penyediaan orang, menggunakan penipuan atau paksaan dan menempatkan seseorang ke dalam pengeksploitasian. Gallagher (2001) berpendapat untuk menentukan kewujudan aktiviti pemerdagangan manusia ini boleh dilihat dalam beberapa aspek, iaitu: *Pertama*, wujudnya tindakan yang melibatkan perekrutan, pemindahan, pengangkutan, perlindungan, penyediaan dan penerimaan orang. *Kedua*, perlu mengenal pasti maksud tindakan tersebut yang melibatkan ancaman, paksaan, apa-apa bentuk paksaan, penculikan, pemalsuan, penipuan dan salah guna kuasa bagi memberi atau menerima pembayaran atau faedah-faedah untuk mencapai persetujuan daripada orang yang diperdagangkan. *Ketiga*, wujudnya pengeksploitasian termasuklah



eksploitasi secara minimum terhadap pelacuran, bentuk lain eksploitasi seks, buruh atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian atau pemindahan organ manusia paksa.

Di samping itu, terdapat tiga (3) prinsip utama yang dianggap sebagai teras kepada strategi peringkat antarabangsa dan kebangsaan dalam memerangi jenayah pemerdagangan manusia, iaitu pendekatan 3P yang berkaitan dengan perlindungan, pencegahan dan pendakwaan. Elemen perlindungan dan pencegahan adalah langkah-langkah yang digunakan terhadap mangsa pemerdagangan dan ini terkandung dalam Protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) yang berkaitan *Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Person Especially Women and Children*. Manakala bagi elemen pendakwaan adalah menjurus kepada langkah yang diambil untuk mendakwa dan mensabitkan mereka yang bersalah ke muka pengadilan. Oleh itu, tiga prinsip tersebut dianggap menjadi teras kepada kebanyakan negara-negara untuk membentuk dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan pemerdagangan orang (Breau, 2008). Secara umumnya pemerdagangan orang boleh dibahagikan kepada dua aspek utama, iaitu pekerjaan dan seksual.

### ***Pemerdagangan Pekerjaan dan Buruh Paksa***

Menurut Organisasi Buruh Antarabangsa (2005), dianggarkan seramai 2.5 juta lelaki, wanita dan kanak-kanak telah menjadi mangsa sindiket pemerdagangan dan satu pertiga daripadanya adalah untuk tujuan ekonomi dan selebihnya untuk eksploitasi seks. Pada dasarnya, pemerdagangan buruh asing meliputi definisi pemerdagangan orang kerana berlakunya pelanggaran hak asasi manusia. Namun yang sering diabaikan terhadap situasi pemerdagangan pekerja asing ialah perbincangan untuk melindungi hak asasi semua pekerja tanpa mengambil kira situasi pekerja, pengeksploitan dan status perundangan (Richard, 2004). Tambahan, mangsa pemerdagangan buruh ini adalah terdiri daripada buruh murah yang bekerja di beberapa sektor seperti perladangan, pembuatan, pembantu rumah, perkhidmatan makanan, pembinaan dan hiburan, dengan mereka diambil bekerja secara haram tanpa mempunyai jaminan keselamatan dan kesihatan (Bakirci, 2009). Walau bagaimanapun, konsep pemerdagangan buruh di Malaysia boleh dikaitkan dengan wujudnya dua elemen, iaitu eksploitasi dan paksaan. Dua elemen ini dianggap sangat penting dalam

menentukan sesuatu aktiviti yang melibatkan perekrutan, pengangkutan, pemindahan dan penerimaan orang itu adalah sebagai pemerdagangan buruh atau sebaliknya.

Protokol Pemerdagangan Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu (2000) telah menjelaskan bahawa pemerdagangan buruh melibatkan unsur paksa atau sebarang bentuk paksaan dan salah guna kuasa yang bertujuan untuk mengeksploitasi seseorang. Oleh itu, dalam konteks pemerdagangan pekerjaan, hal ini boleh dikaitkan apabila hak seseorang pekerja itu telah dilanggar secara tidak sah, iaitu mempunyai unsur paksaan dan eksploitasi secara tidak munasabah. Pemerdagangan buruh melibatkan hubungan yang panjang di antara orang yang memperdagangkan dengan orang yang diperdagangkan. Hubungan ini akan berlanjutan sehingga seseorang pekerja itu dieksploitasi sama ada secara mengambil dokumen atau permit kerja, menahan pembayaran, penderaan dan layanan buruk serta sentiasa melakukan ugutan terhadap pekerja untuk dilaporkan kepada pihak berkuasa dan dihantar pulang. Oleh itu pada tahun 2003, Konvensyen mengenai Perlindungan Hak Pekerja Asing dan Keluarga (*Migrants Workers Convention*) telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. Konvensyen Pekerja Asing memperuntukkan perkara-perkara asas hak asasi, layanan dan kebajikan pekerja asing adalah perlu dilindungi tanpa mengambil kira status mereka sama ada sah atau tidak sah. Tambahan daripada peruntukan itu menyatakan bahawa pekerja asing yang sah dan ahli keluarga mereka akan diberikan layanan yang sama rata dengan pekerja tempatan sama ada dari segi perundangan, politik, ekonomi, sosial dan budaya (Richard, 2004).

Seterusnya, buruh paksa pula merupakan suatu isu tradisional yang sering diperkatakan. Situasi buruh boleh berlaku dalam segala bentuk pekerjaan atau aktiviti ekonomi termasuk proses pengambilan yang dijalankan. Aspek yang penting dalam menentukan seseorang itu menjadi mangsa buruh paksa ialah hubungan yang wujud di antara pekerja serta majikan selain daripada keadaan kerja yang merbahaya dan mengancam nyawa. Hal ini kerana konsep buruh paksa tidak melihat kepada jenis pekerjaan atau status perundangan pekerjaan tersebut sama ada sah atau tidak sah, tetapi lebih kepada tekanan atau paksaan yang diberikan oleh seseorang majikan terhadap pekerjanya (ILO, 2005). Jika seseorang itu melakukan sesuatu kerja yang berat atau merbahaya secara sukarela

untuk menampung perbelanjaan keluarga dan tanpa melibatkan tekanan atau paksaan daripada pihak lain ini bukan dianggap sebagai suatu kerja paksa. Keadaan ini disebabkan perbuatan itu dilakukan secara sukarela dan bukan dikenakan paksaan, tekanan atau ugutan oleh pihak lain. Konvensyen Buruh Paksa 1930 telah mendefinisikan buruh paksa sebagai:

*“All work or service which is exacted from any person under the menace of penalty and for which the said person has not offered himself voluntarily” (Art. 2.1)*

Daripada definisi di atas, perkataan *the menace of penalty* tidak khusus kepada aspek hukuman, tetapi juga berkaitan dengan ancaman kehilangan hak atau keistimewaan seseorang pekerja. Seseorang pekerja adalah bebas memberikan persetujuan untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan. Ungkapan ‘persetujuan’ itu adalah dianggap tidak relevan jika persetujuan itu dicapai secara paksaan, pemerasan, ugutan dan penipuan. Oleh itu, seseorang yang dinafikan hak atau diambil keistimewaan sebagai seorang pekerja, boleh dikategorikan sebagai seorang buruh paksa (sila lihat Stephen dan Linden, 2004). Di samping itu, wanita dan kanak-kanak yang dipaksa bekerja untuk tujuan jenayah jalanan, peminta sedekah, pencuri dan penjualan dadah adalah dianggap sebagai mangsa diperdagangan manusia. Keadaan ini termasuk juga orang yang kurang upaya atau orang tua yang digunakan sebagai peminta sedekah supaya pihak yang memperdagangkan memperolehi keuntungan. Konvensyen berkaitan dengan *The Prohibition and Immediate Action for the Elimination of the Worst Forms of Child Labour 1999* (No. 182) telah menyatakan:

*“For the purposes of this Convention, the terms the worst forms of child labour comprises inter alia the use, procuring or offering of a child for illicit activities, in particular for the production and trafficking of drugs as defined in the relevant international treaties” (Art. 3)*

Menurut ILO (2005), walaupun perkataan ‘kerja’ atau ‘buruh’ tidak dikaitkan dengan peminta sedekah atau jenayah jalanan, tetapi konvensyen di atas telah menganggapnya termasuk dalam istilah buruh dan merupakan salah satu bentuk buruh paksa. Sesuatu aktiviti yang termasuk dalam pengertian buruh paksa tidak perlu ditunjukkan ia sebagai

aktiviti ekonomi. Seperti kanak-kanak dan orang dewasa yang dipaksa untuk menjadi peminta sedekah adalah juga dianggap sebagai buruh paksa. Bakirci (2009) menganggap adalah perlu mereka yang terlibat dalam buruh paksa dianggap sebagai mangsa pemerdagangan orang. Hal ini kerana terdapat unsur-unsur pengeksploitasian yang dijalankan oleh pihak tertentu untuk mengaut keuntungan.

### **Pemerdagangan Seks**

Pemerdagangan seks selalunya dikaitkan dengan pemerdagangan terhadap wanita dan kanak-kanak di dalam industri seks atau pelacuran. Pemerdagangan ini dianggap sebagai aktiviti pemerdagangan yang paling lumayan. Dengan kecanggihan teknologi komunikasi pada ketika ini telah menjadikan isu tersebut semakin kompleks. Mangsa pemerdagangan seks selalunya akan dipaksa dalam beberapa aktiviti seks seperti pelacuran, pornografi, tarian bogel dan rumah urut (Bakirci, 2009). Jabatan Negara Amerika Syarikat (2004) menjustifikasikan mangsa pemerdagangan seks sebagai mangsa yang sentiasa diberikan ancaman bunuh jika kemahuan orang yang memperdagangkannya tidak diikuti. Mangsa pemerdagangan seks akan melakukan aktiviti seks berbayar tanpa kerelaan dan persetujuan mereka. Dalam fenomena perhambaan moden, seseorang wanita akan dipujuk oleh pihak sendiket untuk bekerja sebagai pelacur di luar negara dan mereka akan diberikan kebebasan untuk hidup. Namun begitu, perkara yang sebaliknya berlaku apabila wanita tersebut dijadikan hamba seks dan diperlakukan dengan kejam serta mengaut keuntungan daripada aktiviti tersebut.

Kajian oleh kerajaan Sweden menunjukkan kebanyakan keuntungan besar diperolehi daripada industri pelacuran dan keuntungan tersebut akan terus dinikmati oleh sendiket pemerdagangan manusia (Jabatan Negara Amerika Syarikat, 2004). Menurut Organisasi Buruh Antarabangsa (2005) wanita yang dipaksa untuk bekerja sebagai pelacur dianggap sebagai buruh paksa tanpa melihat kepada status perundangan aktiviti atau pekerjaan tersebut. Keadaan ini disebabkan oleh elemen ketidakrelaan dan keadaan pekerjaan itu yang sentiasa dalam ancaman serta menjadi asas kegiatan pengeksploitasian yang membawa kepada pemerdagangan manusia. Oleh itu, Bakirci (2009) menyatakan wanita yang menjadi mangsa pemerdagangan manusia perlu dianggap sebagai mangsa kegiatan jenayah dan bukan sebagai buruh paksa. Bagi kanak-kanak yang di

bawah 18 tahun, unsur kerelaan tidak perlu dibuktikan sebagai suatu pembelaan bagi kesalahan pemerdagangan orang.

Walau bagaimanapun, Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007 telah ditegaskan di bawah seksyen 16. Unsur kerelaan tidak boleh dijadikan sebagai pembelaan kepada kesalahan-kesalahan yang terkandung dalam seksyen 12, 13 dan 14, iaitu yang berkaitan dengan pemerdagangan orang dan pemerdagangan kanak-kanak bagi maksud eksploitasi. Dalam seksyen 17 pula, menyatakan kelakuan seksual lampau bagi orang yang diperdagangkan tidak boleh diterima sebagai membuktikan mangsa pemerdagangan mempunyai kecenderungan seksual. Contohnya jika seseorang wanita yang dibawa masuk ke Malaysia oleh satu sindiket yang pernah terlibat dalam aktiviti seksual di negara asal untuk tujuan pengksploitasian, maka tetap dikatakan bersalah di bawah perundangan (ATIPSOM, 2012). Kebanyakan pekerja migran wanita yang terlibat dengan industri seks adalah disebabkan penipuan dan paksaan.

Kajian oleh Organisasi Antarabangsa Untuk Migrasi (IOM) terhadap 136 wanita yang diperdagangkan daripada Moldova menunjukkan tujuan asal mereka adalah untuk bekerja sebagai pekerja domestik dan pelayan restoran. Namun begitu, mereka telah ditipu dan dipaksa sebagai pekerja seks. Di samping itu, 79 peratus wanita Bulgaria yang diperdagangkan telah dijanjikan dengan pekerjaan lumayan, tetapi akhirnya mereka telah dipaksa untuk bekerja sebagai pelacur. Manakala, pekerja Filipina yang diberikan visa hiburan untuk bekerja di Korea Selatan pula telah mendapati kontrak yang ditandatangani sebelum mereka berhijrah adalah palsu dan mereka sebenar bekerja di industri seks (ILO, 1999; 2002). Eksploitasi seksual yang berlaku terutama terhadap wanita dan kanak-kanak juga berlaku dalam bentuk pelancongan seks.

Pelancongan seks atau melancong untuk berhibur merupakan amalan yang biasa pada ketika ini dan dilakukan oleh sesetengah orang, terutama di kalangan ahli perniagaan. Negara-negara yang menerima kesan daripada pelancongan seks ini ialah Sri Lanka, Costa Rica, Filipina, Thailand dan Kemboja (Davidson, 2004). Pada tahun 1996, Thailand dilaporkan telah mendapat keuntungan sebanyak USD 26.2 billion daripada industri pelancongan seks. Pelancong yang datang dianggarkan seramai cuma lima (5) juta, terutamanya daripada Negara-Negara Maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Australia (Andrew, 2004).

## Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia

Kesalahan PATI termaktub dalam Seksyen 55E(7) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) yang membawa pengertian mana-mana orang selain warganegara yang menyalahi Seksyen 5, 6, 8, 9 dan 15 Akta Imigresen 1959/63 atau Peraturan 39, Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Penjelasan mengenai kesalahan dan hukuman daripada maksud di atas boleh dilihat dalam Jadual 5.1 seperti berikut:

SEKSYEN	KESALAHAN	HUKUMAN
Sek. 5(2)	Masuk atau keluar dari Malaysia melalui jalan yang tidak dibenarkan atau jalan yang tidak diwartakan.	Denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali
Sek. 6(1)(c)	Masuk dan tinggal di Malaysia tanpa Pas atau Permit yang sah.	Denda tidak lebih daripada RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali dan boleh disebat tidak lebih enam kali sebatan.
Sek. 8	Imigran larangan ( <i>Prohibited Immigrants</i> )	Denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.
Sek. 9	Masuk dan tinggal di Malaysia setelah Pas atau Permit dibatalkan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia	Denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.
Sek. 15	Tinggal di Malaysia setelah Permit dibatalkan atau suatu Pas tamat tempoh.	Denda tidak kurang RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.
Peraturan 39(b)	Melanggar syarat Pas, Permit atau Pas Sempadan	Denda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.

**Jadual 1.1: Kesalahan dan Hukuman Bagi Pendatang Asing (Sumber: Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Peraturan-Peraturan & Akta Pasport 1966 (Akta 150))**

Daripada pengertian Jadual 1.1, secara umumnya PATI boleh diertikan seperti berikut:

- a. Mereka yang masuk-keluar dan tinggal secara haram iaitu membawa maksud seseorang yang masuk-keluar melalui laluan yang tidak dibenarkan atau seseorang yang masuk melalui laluan yang dibenarkan, tetapi tidak mempunyai dokumen yang sah dan telah tinggal di Malaysia secara haram.
- b. Tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan.
- c. Menyalahgunakan Pas atau Permit yang dikeluarkan.

Dari aspek penguatkuasaan, Azizah (2012) mengatakan bahawa pada masa kini tidak ada buku panduan yang komprehensif dikeluarkan untuk penguatkuasaan terhadap PATI. Oleh itu, panduan utama yang digunakan untuk membanteras PATI ialah Akta Imigresen 1959/63 (pindaan 2002), Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang mencakupi Peraturan 9 mengenai Pas Kerja; kesalahan-kesalahan dan penalti bagi pelanggaran peraturan imigresen khususnya, seperti Seksyen 6(1)(C)<sup>1</sup>, Seksyen 15 (1)(C)<sup>2</sup>, Seksyen 55B<sup>3</sup>, Seksyen 55D<sup>4</sup> dan Seksyen 55E<sup>5</sup>. Namun begitu, pada tahun 2007 satu lagi akta telah ditambah untuk dikaitkan dengan isu PATI adalah Akta Antipemerdagangan Orang (ATIP) yang telah dikuatkuasakan pada Februari 2008. Akta ini bertujuan untuk menghukum mereka yang terlibat dengan jenayah pemerdagangan orang dan melindungi mangsa dengan memberikan imuniti tertentu kepada mereka. Disebabkan aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran telah berlaku secara berleluasa, maka Akta ini dipinda pada 2010 untuk memasukkan larangan menyeludup manusia dan sekarang dikenali sebagai Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM). Di bawah akta ini, mangsa buruh paksa boleh mendapat pembelaan jika kes mereka dilaporkan kepada pihak berkuasa. PATI yang menjadi mangsa majikan atau ejen rekrutmen diberi kekebalan (*immunity*) daripada tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

---

<sup>1</sup> Kawalan masuk ke Malaysia

<sup>2</sup> Kemasukan secara haram di Malaysia

<sup>3</sup> Larangan menggaji orang yang tidak memiliki pas

<sup>4</sup> Pemalsuan atau pindaan kepada endorsmen atau dokumen rasmi

<sup>5</sup> Larangan memberi perlindungan kepada PATI



Menurut Schloenhardt (2001), migrasi secara tidak sah berlaku apabila kemasukan seseorang ke negara lain bertentangan dengan undang-undang salah satu daripada negara yang dilalui. Keadaan ini disebabkan pergerakan imigran sama ada secara sementara, jangka panjang atau tetap daripada satu negara ke negara lain, kadang-kadang perlu melalui negara ketiga. Kebiasaannya, migran yang masuk secara tidak sah akan mengelak daripada berhubung atau melalui tempat yang dikawal oleh pihak imigrasi dan menggunakan dokumen palsu untuk memasuki sempadan negara. Malahan, kemasukan secara tidak sah ke sesebuah negara juga boleh menyebabkan seseorang PATI berpotensi besar untuk menjadi mangsa jenayah perdagangan orang.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Dalam membincangkan aktiviti perdagangan manusia di kalangan PATI, telah dibahagikan kepada beberapa aspek perbincangan yang memfokuskan kepada bentuk-bentuk pengeksploitasian yang dialami oleh responden sama ada semasa proses kemasukan, penyediaan dokumentasi dan pekerjaan telah diteliti. Bentuk-bentuk pengeksploitasian tersebut jika dikaitkan dengan definisi di bawah ATIPSOM, akan menjadi suatu kesalahan perdagangan orang.

### **Proses Kemasukan ke Malaysia**

Daripada kajian, didapati seramai 51.9 peratus responden telah menggunakan laluan udara dan yang menggunakan laluan darat sebanyak 25.9 peratus dan laluan laut sebanyak 22.2 peratus. Rata-rata yang menggunakan laluan udara terdiri daripada mereka yang menggunakan khidmat ejen pekerjaan atau datang dari negara yang jauh seperti dari Afrika dan Timur Tengah. Manakala bagi laluan darat dan laut terdiri daripada pendatang asing dari negara-negara serantau atau Asia Selatan seperti Indonesia, India, Bangladesh, Thailand, Filipina, Myanmar, Vietnam dan Kemboja. Namun begitu, ada juga PATI dari negara-negara Asia yang menaiki kapal terbang untuk ke Malaysia kerana kos pengangkutan udara yang murah pada masa kini (sila rujuk Jadual 1.1).

<b>Jadual 1.1: Jenis Laluan Yang Digunakan</b>			
<b>Jenis</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>%</b>	<b>% Kumulatif</b>
Laut	12	22.2	22.2
Udara	28	51.9	74.1
Darat	14	25.9	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>100.0</b>	

Semasa proses kemasukan, kebanyakan PATI telah menggunakan khidmat ejen untuk diseludup masuk dengan mengenakan bayaran tertentu. Bayaran tersebut bergantung kepada persetujuan di antara ejen dan pendatang serta kemudahan pengangkutan yang disediakan. Namun begitu, ada di antara PATI yang gagal menyediakan sejumlah wang yang diminta oleh ejen untuk diseludup masuk telah dijual kepada pihak-pihak tertentu. Keadaan ini telah diceritakan oleh seorang migran dari Myanmar yang masuk melalui Thailand (sila lihat Kes 1):

**Kes 1: Ahmed Yang Menjadi Mangsa Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran**

*Ahmed berasal dari Myanmar dan telah cuba memasuki Malaysia pada usia 16 tahun. Namun akibat kegagalan beliau untuk memberikan duit yang mencukupi kepada ejen, maka beliau telah dijual untuk menjadi nelayan selama tiga tahun di Thailand (tanpa gaji dan hanya diberikan makan sahaja). Setelah dibebaskan beliau telah diseludup masuk oleh agen melalui sempadan Thailand-Kelantan. Semasa merayau-rayau di Kelantan beliau telah ditipu oleh dua orang warga tempatan berbangsa Cina yang berjanji untuk mendapatkan kerja kepada beliau. Walau bagaimanapun, beliau telah ditipu dan dijual kepada seorang nelayan di Terengganu. Beliau telah bekerja sebagai nelayan selama enam bulan tanpa gaji. Selepas itu, Ahmad telah berjumpa dengan beberapa orang Myanmar di Terengganu dan mereka telah membantu beliau untuk melarikan diri ke Pulau Pinang.*

Pengeksploitasian yang dilakukan oleh ejen terhadap Ahmad menunjukkan jenayah penyeludupan merupakan suatu aktiviti yang sangat menguntungkan sehingga seseorang migran akan diperdagangkan jika mereka gagal memenuhi tuntutan pihak sindiket. Ahmad boleh dianggap sebagai buruh yang berhutang (*Debt Bonded Labour*), iaitu beliau berhutang dengan ejen yang membawanya kerana tidak dapat melunaskan kos migrasi yang perlu ditanggung. Pelunasan hutang boleh dilakukan dengan pelbagai cara oleh seseorang migran sehingga boleh dijual kepada pihak lain. Menurut MTUC, memang terdapat beberapa kes yang melibatkan sebahagian pekerja asing terpaksa meminjam daripada ejen untuk datang ke Malaysia. Berdasarkan kes-kes yang dikendalikan oleh pihak MTUC, ada di antara pekerja asing yang tidak dibayar gaji sehingga setahun dengan alasan untuk membayar balik pinjaman kepada ejen.<sup>6</sup> Pihak Jabatan Imigresen juga mengesahkan untuk kos penyeludupan di wilayah utara, caj yang dikenakan oleh ejen atau dikenali sebagai tekong darat adalah di antara RM500 hingga RM2,500 bergantung kepada kemudahan pengangkutan dan risiko keselamatan yang perlu ditanggung oleh pihak sindiket di sempadan.<sup>7</sup> Dalam situasi ini majikan atau ejen mempunyai kuasa kerana mereka telah menanggung kos migrasi. Hal ini menunjukkan golongan migran, terutama PATI amat mudah dieksploitasi oleh pihak tertentu untuk memperolehi keuntungan.

## **Pendokumentasian**

Jadual 1.2 menunjukkan kebanyakan PATI yang datang mempunyai dokumen iaitu 72.2 peratus daripada mereka memiliki pasport dan permit kerja atau hanya pasport sahaja. Manakala mereka yang tidak mempunyai dokumen adalah 25.9 peratus dan seorang daripadanya telah menggunakan pasport palsu. Kebanyakan mereka yang berdokumen boleh dikaitkan kerana penghijrahan mereka adalah di atas faktor pekerjaan atau sebagai pelancong dengan menggunakan pas lawatan sosial. Walaupun mereka ini mempunyai dokumen perjalanan yang sah untuk memasuki Malaysia, tetapi mereka telah menyalahgunakan dokumen tersebut seperti tinggal lebih dari masa yang dibenarkan dan bekerja dengan menggunakan pas lawatan sosial. Di samping itu, ada juga yang melakukan beberapa kesalahan imigresen yang lain seperti lari

---

<sup>6</sup> Temu bual dengan pihak MTUC pada 18 November 2013 di Wisma MTUC, Subang Jaya

<sup>7</sup> Temu bual dengan Jabatan Imigresen Kedah pada 21 Mei 2010 di pejabat Imigresen Bukit Kayu Hitam

dari majikan, bekerja dalam pekerjaan yang bukan dipohon, memalsukan dokumen dan menyambung pengajian tanpa memiliki pas pelajar. Oleh itu, tindakan-tindakan tersebut telah menyebabkan mereka tergolong di bawah kategori tidak sah.

<b>Jadual 1.2: Jenis Dokumen Yang Digunakan</b>			
<b>Jenis Dokumen</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>%</b>	<b>% Kumulatif</b>
Pasport	39	72.2	72.2
Tiada dokumen	14	25.9	98.1
Pasport palsu	1	1.9	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>100.0</b>	

Menurut Azizah Kassim (2003), pekerja atau pendatang asing tanpa izin boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *pertama*, mereka yang datang ke negara destinasi secara bersembunyi tanpa dokumen yang sah. Mereka memperolehi pekerjaan melalui saluran yang tidak formal berdasarkan hubungan saudara, rakan atau keluarga yang rapat yang tinggal di negara destinasi. *Kedua*, mereka yang tinggal melebihi waktu yang ditetapkan sama ada mereka di kalangan pekerja, pelancong dan pelajar. Oleh itu, pekerja asing yang gagal memperbaharui pas kerja juga dianggap sebagai PATI. *Ketiga*, mereka yang menyalahgunakan kontrak pekerjaan. Keadaan ini berlaku apabila ada segelintir pekerja yang telah diambil bekerja secara sah tetapi telah meninggalkan majikan asalnya dan mencari kerja lain.

Dalam proses penyediaan dokumentasi imigresen ini, ada di antara responden telah ditipu oleh pihak ejen yang membawanya. Situasi ini telah diceritakan oleh seorang responden daripada Indonesia (sila lihat kes 2):

**Kes 2: Dokumentasi Kasman telah ditipu oleh ejen semasa ingin masuk ke Malaysia**

*“Saya berasal dari Sulawesi dan berumur 35 tahun. Saya menaiki bot dari Surabaya ke Batam. Semasa di Surabaya saya telah ditipu oleh ejen pekerjaan di sana. Saya telah memberikan mereka wang dengan jumlah 2 juta rupiah*

*dan mereka berjanji akan menyediakan dokumen seperti pasport dan permit kerja serta pengangkutan. Namun begitu, ejen tersebut telah melarikan diri bersama wang yang diberikan. Saya tak mahu kembali ke Sulawesi dan saya bertekad untuk masuk ke Malaysia dengan apa cara sekalipun kerana saya terdesak untuk mendapatkan pekerjaan. Saya fikir jika kembali ke kampung halaman, hidup saya semakin susah kerana hanya bekerja sebagai penarik beca dan sudah tentu tidak boleh memperbaiki kehidupan keluarga. Akhirnya saya nekad untuk masuk ke Malaysia dengan bantuan rakan saya. Semasa di Batam saya sudah menghubungi rakan saya di Malaysia untuk menunggu di Johor. Semasa mendarat, rakan saya telah mengambil saya dengan keretanya untuk di bawa ke Kuala Lumpur. Selepas ke Kuala Lumpur, kami pergi ke Pulau Pinang untuk mencari kerja. Semasa bekerja di tapak binaan di Pulau Pinang saya telah ditangkap oleh pihak berkuasa kerana tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.”*

Situasi yang dialami oleh Kasman merupakan salah satu bentuk jenayah pemerdagangan orang yang berlaku. Berdasarkan definisi yang diberikan oleh *UN Convention on Transnational Organised Crime (2000)* dan Akta Anti-pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) bahawa tindakan pemalsuan dan penipuan sama ada dalam proses pengambilan bekerja atau pengangkutan, dianggap salah satu bentuk eksploitasi dan merupakan jenayah pemerdagangan orang. Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa jenayah pemerdagangan orang berlaku dalam proses pengambilan, iaitu sama ada sebelum atau selepas seseorang itu bermigrasi asalkan wujudnya bentuk-bentuk eksploitasian seperti penipuan, pemalsuan dan paksaan. Malahan ada juga syarikat pengurusan pekerja asing yang sah turut melakukan penipuan. Contohnya kes yang berlaku di Shah Alam, Selangor, sebuah syarikat pengurusan pekerja asing yang terkenal kerana mempunyai banyak cawangan termasuk di negeri lain seperti Johor dan Pulau Pinang didakwa telah memperdayakan hampir 500 warga asing di sekitar kawasan ini apabila mengeluarkan permit palsu sebelum melesapkan bayaran mencecah RM 2 juta. Malahan, urusan permit ini juga dilakukan di luar pejabat, seperti di restoran dan lorong gelap (Hamid Karim, 2013).

## Pengurusan Pekerjaan dan Pembiayaan Perjalanan

Seterusnya Jadual 1.3 menunjukkan kebanyakan PATI yang datang telah menggunakan khidmat ejen untuk menguruskan perjalanan mereka. Kebanyakan PATI yang datang telah memasuki Malaysia dengan menggunakan pas pekerja dan mereka telah diuruskan oleh pihak ejen. Ejen yang menguruskan pekerja asing terbahagi kepada dua, iaitu ejen yang berdaftar dan tidak berdaftar. Selalunya ejen yang tidak berdaftar, banyak melakukan penyelewengan sehingga menjejaskan syarikat-syarikat penyedia sumber tenaga asing (*out sourcing*) lain yang berdaftar. Menurut responden yang ditemui, ejen yang digunakan bukan seorang tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu boleh menjadi sehingga lima atau enam orang.

<b>Kategori</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>%</b>	<b>% Kumulatif</b>
Keluarga	9	16.7	16.7
Kawan	1	1.9	18.5
Ejen	30	55.6	74.1
Sendiri	11	20.4	94.4
Lain-lain	3	5.6	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>100.0</b>	

Kebanyakan responden yang masuk secara sah, terutama yang menggunakan permit kerja mengatakan mereka telah ditipu oleh ejen yang membawa mereka. Bentuk-bentuk penipuan yang sering dilakukan oleh ejen adalah seperti jenis pekerjaan yang ditawarkan, gaji yang diperolehi, tempoh permit kerja, tempat kerja dan majikan. Ada sebahagian ejen telah berjanji akan memberikan kerja sebagai operator kilang, tetapi akhirnya bekerja sebagai pembantu rumah, dan lebih malang lagi apabila pekerja tersebut diminta untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti memandikan anjing serta memakan daging babi. Keadaan ini telah diceritakan oleh seorang responden dari Indonesia (sila Kes 3).

### **Kes 3: Heni telah ditipu oleh ejen**

*Heni berumur 32 tahun beragama Islam dan berasal dari Bandung, Indonesia. Beliau telah datang ke Malaysia sejak bulan Mac 2009. Beliau menaiki feri dari Bandung ke Sumatera dan melalui Medan menaiki feri ke Pulau Pinang. Beliau menggunakan khidmat ejen yang merupakan kenalan di kampung dan membayar RM1500 kepada ejen. Beliau datang ke Malaysia bersama 15 orang yang lain dengan menggunakan pasport lawatan sosial. Semasa sampai di Pulau Pinang, ejen telah mengambil semua pasport mereka dan menghantar mereka kepada majikan yang memerlukan. Beliau telah bekerja di kilang di Gelugor, Pulau Pinang dan gaji yang diterima adalah RM400 sebulan. Ejen telah mengambil semua duit gajinya selama empat bulan dan setelah bekerja selama tujuh bulan di kilang, beliau telah dihantar pula bekerja sebagai pembantu rumah dengan majikan berbangsa Cina. Beliau telah bekerja selama sembilan bulan dan selepas itu beliau melarikan diri kerana tidak mahu lagi melakukan perbuatan haram dari sudut agama Islam, iaitu terpaksa memandikan anjing dan memakan babi hampir setiap hari. Selepas itu beliau telah ditahan oleh pihak berkuasa semasa tinggal di rumah rakan di Relau, Pulau Pinang.*

Kes yang berlaku terhadap Heni merupakan salah satu bentuk buruh paksa yang definisinya terkandung dalam Konvensyen Buruh Paksa 1930. Dalam membincangkan definisi tersebut, Stephen dan Linden (2004) berpendapat ungkapan ‘persetujuan’ dalam melakukan sesuatu pekerjaan dianggap tidak relevan jika persetujuan itu dicapai secara paksaan, pemerasan, ugutan dan penipuan. Seseorang yang dinafikan hak atau diambil keistimewaan sebagai pekerja juga boleh dikategorikan sebagai buruh paksa dan ia dianggap sebagai pengeksploitasian pekerjaan. Situasi ini telah berlaku kepada Hani apabila dia dipaksa untuk memandikan anjing dan memakan babi semasa bekerja dengan majikan yang bukan Islam. Kes Hani juga membuktikan bahawa golongan pendatang atau imigran adalah sangat berpotensi untuk menjadi mangsa pemerdagangan orang, terutamanya apabila seseorang itu berstatus sebagai PATI. Dalam



hal ini, apabila seseorang berstatus PATI, selalunya pihak majikan atau ejen akan sentiasa memberi ancaman kepadanya bahawa beliau akan ditangkap oleh pihak berkuasa. Oleh itu, pihak-pihak tersebut dapat melakukan pelbagai eksploitasi terhadap golongan PATI seperti tidak memberikan gaji, bekerja dalam tempoh yang lama, didera dan tidak menyediakan tempat tinggal yang sempurna. Menurut Richards (2004) kebanyakan imigran sama ada lelaki atau wanita yang berhijrah adalah untuk memperolehi kehidupan dan peluang pekerjaan yang lebih baik. Disebabkan desakan hidup, potensi mereka yang masuk secara tidak sah adalah tinggi untuk menjadi mangsa pemerdagangan orang kerana mereka telah dieksploitasi oleh majikan atau ejen tertentu. Oleh itu, MTUC berpendapat adalah tepat pada masanya kerajaan menghentikan terus penggunaan ejen atau syarikat penyumber luar dalam proses kemasukan pekerja asing ke Malaysia. Keadaan ini disebabkan terlalu banyak penyelewengan yang dilakukan oleh ejen dan pendekatan G2G (*Government to Government*) perlu dilaksanakan bagi menghapuskan penyelewengan semasa pengurusan migrasi.<sup>8</sup>

Selain daripada ejen, ada juga di kalangan pihak lain yang menguruskan kemasukan responden ke Malaysia. Mereka terdiri daripada ahli keluarga, kawan, saudara-mara dan ada juga yang datang sendiri. Ahli keluarga atau rakan-rakan akan membantu mereka dari pelbagai aspek, termasuk pengangkutan dan dokumen. Ada juga ahli keluarga atau saudara-mara yang terpaksa berhubung dengan ejen-ejen atau tekong-tekong haram untuk mendapatkan bantuan menyeludup PATI ke Malaysia. Menurut Azizah Kassim (1997), PATI Indonesia masuk ke Malaysia secara tidak sah boleh berlaku dalam dua cara, iaitu melalui ejen yang tidak berdaftar atau berlesen dan rangkaian pekerja-pekerja asing di kalangan mereka. Bagi cara yang pertama, sebahagian majikan akan berhubung dengan ejen tidak berdaftar yang mempunyai kenalan dari negara pengeksporth pekerja asing, terutamanya dari Indonesia kerana kebanyakan pekerja asing tanpa izin yang dikesan di Malaysia adalah dari negara tersebut. Setelah menerima maklumat tertentu daripada pihak ejen di Malaysia, ejen di Indonesia akan mencari calon-calon pekerja yang bersesuaian dengan kriteria yang ditetapkan oleh majikan tersebut. Oleh itu, ada di antara ejen di negara terbabit akan mencari pekerja-pekerja sehingga ke kawasan pedalaman dan memujuk calon-calon yang berpotensi supaya

---

<sup>8</sup> Temu bual dengan pihak MTUC pada 18 November 2013 di Wisma MTUC, Subang Jaya

berhijrah ke Malaysia. Manakala, cara yang kedua adalah melalui rangkaian yang tidak formal (*informal network*) di kalangan imigran yang telah menetap di Malaysia sama ada telah tinggal secara sah atau tidak sah. Ada juga di kalangan mereka yang mendapat bantuan daripada penduduk tempatan untuk datang secara haram. Sebahagian majikan telah mengambil kesempatan untuk mendapatkan tenaga buruh terutama dari Indonesia melalui cara rangkaian ini. Dalam hal ini, majikan akan meminta pekerja-pekerja ini membawa masuk rakan atau saudara mara mereka dari seberang untuk bekerja di Malaysia. Melalui cara ini majikan hanya membayar sedikit komisen kepada pekerja terbabit kerana membawa masuk rakan-rakan mereka. Dengan kehadiran ramai PATI, terutamanya dari Indonesia yang tinggal di kawasan setinggan di bandar-bandar besar telah menyebabkan ramai majikan mengambil pekerja dari kawasan berkenaan. Kajian yang dibuat mendapati majikan bukan sahaja mendapatkan khidmat pembantu rumah, tetapi pekerja-pekerja di sektor lain juga. Penempatan setinggan tersebut bukan sahaja menjadi penempatan sementara kepada PATI yang baru datang, bahkan ia juga menjadi tempat golongan pelarian untuk berlindung, khususnya yang belum mempunyai pekerjaan.

<b>Jadual 1.4: Pembiayaan Perjalanan</b>			
<b>Kategori</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>%</b>	<b>% Kumulatif</b>
Keluarga	16	29.6	29.6
Kawan	1	1.9	31.5
Ejen	14	25.9	57.4
Sendiri	20	37.0	94.4
Lain-lain	3	5.6	100.0
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>100.0</b>	

Seterusnya Jadual 1.4 menunjukkan pembiayaan perjalanan responden untuk datang ke Malaysia. Kebanyakannya telah membiayai sendiri perjalanan mereka dan sebahagian besarnya pula telah dibiayai oleh ejen serta ahli keluarga. Namun ada di antara responden yang membiayai sendiri perjalanan, terpaksa menjual tanah dan binatang ternakan untuk datang ke Malaysia, tetapi akhirnya telah ditipu oleh ejen. Keadaan ini telah diceritakan oleh responden daripada Bangladesh seperti berikut:

*“Saya telah bertemu dengan seorang ejen di Bangladesh dan dia telah mencadangkan kepada saya untuk bekerja di Malaysia. Dia mengatakan kos untuk bekerja di sana lebih kurang dalam RM13,000 dan saya boleh memperolehi gaji lebih RM1,500 sebulan. Oleh itu, saya terpaksa menjual tanah di kampung untuk menampung kos tersebut. Semasa tiba di Malaysia, saya hanya diberikan permit kerja setahun sahaja dan tahun berikutnya semasa ingin memperbaharainya ejen telah melarikan diri bersama pasport”.*<sup>9</sup>

Di samping itu, ada juga responden yang terpaksa mendapatkan pembiayaan daripada ejen untuk datang ke Malaysia. Selalunya ejen hanya membiayai kos pengangkutan dan pasport, dan yang lain terpaksa ditanggung sendiri oleh pendatang. Bahkan, kos-kos yang dikenakan oleh ejen adalah berbeza-beza bergantung kepada pelbagai faktor seperti jarak kawasan pekerja dengan pejabat pengambilan pekerja dan hubungan di antara pekerja dengan ejen tersebut jika mereka mengenali di antara satu sama lain, maka kosnya akan kurang sedikit. Menurut Aswatini (2002) yang membuat kajian terhadap pekerja wanita Indonesia yang pernah bekerja di luar negara, salah satu cara yang digunakan oleh pekerja-pekerja Indonesia yang ingin bekerja di luar negara selain daripada syarikat pengambilan pekerja atau dikenali sebagai Perusahaan Jasa Tenaga Kerja Indonesia (PJTKI) adalah melalui orang tengah atau ejen atau dalam masyarakat tempatan digelar sebagai *sponsor*. *Sponsor* terbahagi kepada dua jenis, iaitu *sponsor* dalaman dan *sponsor* daerah. Selalunya *sponsor* daerah akan memainkan peranan yang penting kerana mereka tinggal di kawasan kampung, yang ramai pekerja-pekerja berpotensi di kalangan separa mahir dan tidak mahir. Menurut responden dalam kajian ini, mengakui bahawa kos perjalanan yang dikenakan oleh *sponsor* adalah berlainan di antara satu sama lain seperti dinyatakan di atas. Namun, ada juga di kalangan pekerja yang ditemui telah meminjam duit daripada *sponsor* dan membayar balik apabila mendapat kerja di luar negara. Dengan sebab itu ada di antara mereka yang terpaksa menerima pemotongan gaji sehingga bertahun-tahun.

Setiap pendatang yang dibiayai oleh ejen perlu membayar balik melalui potongan gaji daripada majikan. Namun begitu, ada juga ejen yang tidak bertanggungjawab telah memotong gaji pekerja sehingga dua tahun, sedangkan pada awalnya ejen berjanji pemotongan gaji

---

<sup>9</sup> Perbincangan berfokus secara berkumpulan dengan responden dari Bangladesh di Depoh Tahanan Imigresen Belantik, Sik, Kedah, pada 8 Ogos 2010.

hanya untuk tiga hingga enam bulan pertama sahaja bergantung kepada pendapatan yang diterima. Keadaan ini telah diceritakan oleh seorang responden dari Indonesia (sila lihat kes 4):

**Kes 4: Ejen telah memotong gaji Junaidah sehingga dua tahun**

*Berasal dari Jawa Timur, Indonesia dan berumur 34 tahun. Beliau telah datang ke Malaysia sejak tahun 2008. Semasa di Indonesia beliau bekerja sebagai petani dengan pendapatan yang tidak menentu. Beliau masuk melalui jalan darat, iaitu sempadan Kalimantan-Sarawak dengan menggunakan pasport dan permit kerja. Kos pengangkutan dan pasport ditanggung semuanya oleh ejen. Semasa di Indonesia ejen berjanji akan mendapatkan kerja di kilang dengan pendapatan RM1,200, tetapi telah dihantar bekerja sebagai pembantu rumah di Mengelembu, Ipoh dengan pendapatan sebanyak RM450 sebulan dan ejen telah memotong daripada gaji yang diterima dan hanya memperolehi sebanyak RM180 sahaja selama setahun empat bulan. Pasportnya telah diambil dan disimpan oleh ejen. Semasa bekerja sebagai pembantu rumah, beliau telah didera oleh majikannya dan sering dipukul dengan penyapu, rotan dan ditampar serta ditendang. Akibat tidak tahan dengan penderitaan tersebut beliau telah melarikan diri dan bekerja di kedai makan di Ipoh. Walau bagaimanapun, semasa bekerja di kedai makan tersebut, beliau telah ditangkap oleh pihak berkuasa kerana tidak memiliki dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah.*

Keadaan yang dialami oleh Junaidah menunjukkan bahawa beliau telah mengalami beberapa pengeksploitasian seperti penipuan pekerjaan, pemotongan gaji sehingga dua tahun dan didera oleh majikan. Walaupun responden masuk menggunakan PLKS, tetapi masih terdedah kepada elemen pengeksploitasian yang dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti pemerdagangan manusia.

## Jenis Pekerjaan dan Jam Bekerja

Sementara itu, jangka masa bekerja adalah berbeza mengikut jenis pekerjaan. Secara umumnya, PATI menjalankan aktiviti-aktiviti pekerjaan di antara lima (5) hingga 24 jam sehari, dan di antara tiga (3) hingga tujuh (7) hari dalam seminggu. Daripada maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti PATI bekerja di antara lapan (8) hingga 12 jam sehari, dan bekerja di antara enam (6) hingga tujuh (7) hari seminggu tanpa mendapat upah kerja lebih masa dan sebahagiannya langsung tidak mendapat cuti rehat. Terdapat juga sebilangan kecil PATI yang mengatakan bahawa mereka bekerja melebihi 20 jam sehari. Menurut MTUC, ada beberapa kes yang diperolehi, terutamanya pekerja asing yang bekerja sebagai pengawal keselamatan diberikan gaji pokok sebanyak RM400 dan diwajibkan bekerja lebih masa yang dibayar gaji secara *lump sum*, iaitu RM350 sebulan tanpa mengikut jam bekerja.<sup>10</sup> Ini menunjukkan ada sebahagian majikan yang tidak mematuhi syarat jumlah jam bekerja dan pembayaran lebih masa. Berdasarkan peruntukan Akta Pekerjaan 1955 dalam Perkara 60A mengatakan pekerja tidak boleh bekerja melebihi lapan jam dalam sehari dan tidak melebihi 48 jam seminggu. Tetapi jika ada satu atau lebih hari dalam seminggu yang pekerja bekerja kurang daripada lapan jam, maka dibenarkan tidak melebihi sembilan jam sehari dan tidak melebihi 48 jam. Bagi jam kerja mengikut syif tidak boleh melebihi 12 jam bagi sesuatu syif. Bagi pembayaran kerja lebih masa pula, akta memperuntukkan pekerja perlu dibayar sebanyak 1.5 sejam daripada jam bekerja biasa. Namun begitu, keadaan ini berlainan bagi pekerja yang bekerja pada hari cuti umum yang perlu dibayar di antara 1.5 hingga tiga (3) kali ganda daripada yang diterima pada hari biasa.<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Temu bual dengan pihak MTUC pada 18 November 2013 di Wisma MTUC Subang Jaya.

<sup>11</sup> Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2005. *Akta Pekerjaan 1955 (Akta 265) & Peraturan-Peraturan dan Perintah*, ILBS, Kuala Lumpur.

**Jadual 1.5 (a): Jenis Pekerjaan dan Jam Bekerja**

Jenis	Jam bekerja sehari												Jumlah
	5	6	7	8	9	10	11	12	16	20	24	Tidak berkaitan	
Operator pengeluaran	0	0	0	4	0	2	0	2	1	0	0	0	9
Pekerja binaan	0	0	1	7	0	0	0	0	0	0	0	0	8
Tukang masak di restoran	0	0	0	0	0	0	1	2	0	0	0	0	3
Juruwang	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Pembantu rumah	0	0	0	0	1	2	0	1	0	3	0	0	7
Nelayan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
Berniaga/ perniagaan	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	3
Pembantu restoran	0	0	1	2	1	0	0	0	0	0	0	0	4
Penoreh getah	0	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	2
Pembantu kedai	0	0	0	1	0	1	0	1	0	0	0	0	3
Juruteknik	0	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	2
Kutip kelapa sawit	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Cleaner	1	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	3
Tidak berkaitan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	6	6
Jumlah	1	1	4	18	2	5	1	10	1	3	1	7	54

Jenis	Hari Bekerja Seminggu					Jumlah
	3	5	6	7	Tidak berkaitan	
Operator pengeluaran	0	0	7	2	0	9
Pekerja binaan	0	0	6	2	0	8
Tukang masak di restoran	0	0	1	2	0	3
Juruwang	0	0	1	1	0	2
Pembantu rumah	0	1	0	6	0	7
Nelayan	0	0	0	1	0	1
Berniaga/perniagaan	0	0	1	1	1	3
Pembantu restoran	0	0	1	3	0	4
Penoreh getah	0	0	1	1	0	2
Pembantu kedai	1	0	1	1	0	3
Juruteknik	0	0	2	0	0	2
Kutip kelapa sawit	0	0	0	1	0	1
Pencuci Bangunan	0	2	0	1	0	3
Tidak berkaitan	0	0	0	0	6	6
Jumlah	1	3	21	22	7	54

Hasil kajian juga menunjukkan warga asing yang berada di negara ini sanggup bekerja keras tanpa mengira tempat dan jenis pekerjaan serta melalui jam bekerja seminggu yang sangat panjang. Keadaan ini telah diceritakan oleh salah seorang responden sewaktu kajian:

*“Saya datang ke Malaysia adalah semata-mata untuk mencari pekerjaan kerana di Indonesia saya hanya bekerja di ladang tembakau dengan pendapatan sama dengan duit Malaysia lebih kurang RM6 sehari. Sebab itu apabila sampai di Malaysia saya hanya fikir untuk mencari rezeki dan tidak kira jenis dan kondisi pekerjaan asalkan saya mampu menguruskannya dan mendapat gaji yang lebih baik. Disini saya bekerja sebagai buruh binaan dengan seorang kontraktor yang berasal dari Indonesia dengan pendapatan sehari RM60.00. Saya disini sentiasa dilindungi oleh majikan saya dengan memberi penginapan dan kadang-kadang memberi makanan juga”.<sup>12</sup>*

<sup>12</sup> Perbincangan berfokus secara berkumpulan dengan responden dari Indonesia di Depoh Tahanan Imigresen Belantik, Sik, Kedah, pada 8 Ogos 2010.



Pengalaman yang diceritakan oleh responden daripada Indonesia di atas menunjukkan elemen ‘*survival*’ telah menjadi keutamaan kepada mereka apabila bekerja di Malaysia. Tanpa mempedulikan kontrak perkhidmatan dan persekitaran kerja, kelangsungan hidup telah menjadi suatu nikmat kepada mereka jika hendak dibandingkan dengan kehidupan di negara mereka. Keadaan ini dilihat akan memberi masalah kepada aspek penguatkuasaan kerana kebanyakan mangsa yang ditindas oleh majikan melakukan kerja secara sukarela dan tidak melaporkan kepada pihak berkuasa. Manakala daripada Jadual 1.5 (a) dan (b) menunjukkan lebih daripada 40 peratus responden bekerja lebih daripada 10 jam sehari dan 80 peratus daripada responden telah bekerja di antara enam hingga tujuh hari seminggu. Ini menunjukkan tarikan ekonomi telah menjadi faktor utama PATI terus berada di negara ini. Mereka sanggup bekerja melebihi lapan jam sehari, malahan terdapat sebilangan yang sanggup bekerja lebih masa sehingga 10 jam tambahan semata-mata untuk memperolehi pendapatan sebanyak mungkin. Majikan pula tidak keberatan untuk membenarkan mereka bekerja dalam tempoh masa yang begitu panjang kerana merasakan tidak mempunyai liabiliti dari segi perundangan berkaitan pekerjaan dan insurans perlindungan ke atas PATI. Ada sebahagian daripada PATI mengakui dipaksa bekerja melebihi 12 jam sehari kerana untuk memenuhi kehendak pelanggan, khususnya dalam sektor pembinaan dan restoran. Ini menunjukkan telah berlaku paksaan yang dilakukan oleh majikan dan boleh dikategorikan sebagai salah satu elemen dalam jenayah pemerdagangan orang.

## **Kesimpulan**

Hasil daripada kajian, menunjukkan sebahagian responden telah menjadi mangsa pemerdagangan orang apabila ada di kalangan mereka telah dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu. Perkataan pengeksploitasian itu sudah jelas dalam definisi yang termaktub dalam *UN Convention on Transnational Organised Crime* dan ATIPSOM, iaitu yang melibatkan pelbagai bentuk pengeksploitasian seperti perekrutan, pemindahan, penggangkutan dan termasuklah unsur-unsur paksaan seperti penderaan yang boleh mendatangkan kecederaan. Pihak-pihak yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada ejen-ejen yang tidak sah yang sentiasa ingin meraih keuntungan yang besar hasil jenayah yang dilakukan. Disebabkan sikap tidak bertanggungjawab dan tamak oleh pihak ejen yang membawa mereka, maka mereka telah ditipu. Mangsa pemerdagangan oleh ejen tidak terhad kepada golongan PATI sahaja, tetapi juga pekerja

sah yang memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Di antara bentuk penipuan yang dikesan dilakukan oleh ejen ialah jenis jawatan atau pekerjaan yang dijanjikan, tempoh permit, kos migrasi, jumlah gaji dan lain-lain lagi. Malahan, ada di antara ejen yang membawa mereka akan memegang atau membuang pasport perjalanan responden supaya mereka menjadi pekerja tidak sah. Apabila mereka menjadi pekerja tidak sah, maka ini memudahkan ejen atau majikan memberi ancaman kepada mereka dan secara tidak langsung, mereka mudah untuk dieksploitasi. Bentuk ancaman yang sering dilakukan oleh ejen atau majikan ialah mereka akan ditangkap oleh pihak berkuasa kerana tidak mempunyai dokumen dan seterusnya akan dihantar balik. Jika pekerja tersebut pernah ditangkap sebelum ini oleh pihak berkuasa disebabkan kesalahan yang sama, maka mereka boleh dikenakan hukuman sebat sehingga enam kali sebatan. Oleh itu, status PATI yang dimiliki oleh seseorang migran itu akan menyebabkan mereka mudah dieksploitasi oleh pihak-pihak berkenaan sama ada dari aspek fizikal, mental atau psikologi.

Jelas kepada kita bahawa pengeksploitasian di kalangan golongan migran berkaitan aktiviti pemerdagangan orang telah berlaku dalam beberapa keadaan, sama ada dalam aspek pekerjaan, dokumentasian atau proses kemasukan. Aktiviti pemerdagangan orang ini tidak terhad kepada golongan PATI, bahkan mereka yang masuk secara sah dan mempunyai dokumen juga telah dieksploitasi oleh penjenayah. Walaupun, jenayah ini dilihat semakin berleluasa berlaku, terutamanya di kalangan golongan migran, tetapi jumlah kemasukan warga asing ke Malaysia semakin meningkat sama ada untuk tujuan pekerjaan, pelancongan atau pendidikan. Peningkatan jumlah pendatang asing atas tujuan pekerjaan dan pencari suaka politik dibimbangi akan menyebabkan jumlah mangsa pemerdagangan juga semakin meningkat. Sebahagian mereka tidak mempunyai pilihan kerana keadaan kemunduran yang berlaku di negara asal dan pembangunan ekonomi di Malaysia telah menjadi faktor penolak-penarik untuk berhijrah ke Malaysia, sekalipun mengetahui risiko yang terpaksa dihadapi. Secara rasionalnya seseorang itu akan mengambil tindakan untuk bermigrasi kerana perbezaan gaji dan peluang pekerjaan di sesebuah negara lain. Keadaan ini adalah lebih utama, walaupun tidak mengetahui kebenarannya. Keadaan ini menunjukkan golongan migran akan bertindak balas terhadap ketidakseimbangan ekonomi yang berlaku di antara negara asal dan negara destinasi supaya mereka dapat berhijrah dan dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

## BIBLIOGRAFI

- Andrews, S.K,2004. "U.S. domestic prosecution of the American International Sex Tourist: Efforts to protect children from sexual exploitation", *Journal of Criminal Law dan Criminology* 94(2): 415-453.
- Appleyard, R., 1989. "International Migration Concept," In Appleyard, R (ed). *The Impact of International Migration on Developing Countries*, Paris: OECD
- Asis, Maruja M.B, 2004. "Borders, Globalization and Irregular Migration in Southeast Asia," In ArisAnanta and Evi Nurvidya Arifin (Eds.), *International Migration in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, halaman 273-295
- Aswatini Raharto, 2002. "Indonesian Female Labour Migrants: Experiences Working Overseas (A Case Study Among Returned Migrants in West Java)", Paper Presented at the 2002 IUSSP Regional Population Conference on Southeast Asia's Population in a Changing Asian Context, Bangkok, Thailand, 10-13 June 2002
- Azizah Kassim, 2003. "International Migration: Prospects And Challenges In Malaysia", In Mohd Yaakub Haji Johari and Chong Shu Yaw (Eds), *Reinventing Sabah : Global Challenges And Policy Responses*, Kota Kinabalu: Institute For Development Studies.
- Azizah Kassim, 2012. *Dasar Pekerja Asing di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Bakirci, Kadriye. 2009. "Human Trafficking and Force Labour: A Criticism of the International Labour Organization", *Journal of Financial Crime* 16(2): 160-165
- Bauer, T. & K. Zimmermann, 1994. "Modelling International Migration: Economics and Econometric Issues", dalam R. Van Der Arf & L. Heering (eds.), *Causes of International Migration*, Prosiding Bengkel, Luxembourg, 14-16 Desember, Eurostat, 95-115.

Breau, Susan C, 2008. "Legal Issues Relating To Human Trafficking", *Journal of Commonwealth Law and Legal Education* 6(2): 217-238

Dayang Suria Mulia. 2011. "Social Networks, Gender Differences and Survival Strategies: Evidence From Undocumented Immigrants in Sabah, East Malaysia", *Journal of Social and Political Development* 1, halaman 43-63

Davanzo, J., 1981. "Microeconomic Approaches to Studying Migration Decisions" in De Jong G. F. and Gardner R.W. (eds.), *Migration Decision Making, Multidisciplinary Approaches to Micro level Studies in Developed and Developing Countries*, New York: Pergamon Press, halaman 90-129.

Dowling, Samantha, Karen Moreton and Liela Wright, 2007. *Trafficking for the Purposes of Labour Exploitation: A Literature Review*, Home Office Online Report 10/07. London : Home Office

Franchino, F., 2009. " Perspectives on European Immigration Policies", *European Union Politics* 10,403-420.

Gallagher, Anne., 2001. "Human Rights and The New UN Protocols and Trafficking and Migrant Smuggling: A Preliminary Analysis," *Human Rights Quarterly*, 23(4): 975-1004.

Griswold, D.T., 2012. "Immigration and Welfare State", *Cato Journal* 32 (1), Cato Institute.

Hamid Karim, "Permit palsu kaut RM2 juta", *Harian Metro*, 5 Julai 2013, 46.

Haris, L.R and Todaro, M.P., 1970. "Migration, Unemployment and Development: A Two Sector Analysis", *American Economic Review*, Vol. 60, 126-142.

Hollifield, J.F., 2000. "The Politics in International Migration: How Can We "Bring State Back In"?., In Bretell, C.B & Hollifield, J.F (Eds)., *Migration Theory: Talking Across Disciplines.*, New York: Routledge, halaman 137-185.

International Labour Office, 2005. *A Global Alliance Against Forced Labour*, Geneva: ILO

International Labour Office, 1999. "Migrant Workers," *International Labour Conference 87th Session*. Geneva: ILO.

International Labour Office, 1999. "Forced Labour, Child Labour and Human Trafficking in Europe: An ILO Perspectives", *Technical paper for the EU/IOM European Conference on Preventing and Combating Trafficking in Human Beings*, Belgium.

Jansen, Clifford J, 1970. *Reading in the Sociology of Migration*, Pergamon Press: Oxford, New York.

Kanapathy, V., 2008. "Controlling Irregular Migration: The Malaysian Experience", Paper presentation at Regional Symposium on Managing Labour Migration in East Asia at Singapore.

Konrad. H., 2002. "Trafficking in Human Beings – the Ugly Face of Europe", *Helsinki Monitor 13, No.3*, 260-271.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2012. *Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Peraturan-Peraturan & Akta Pasport 1966 (Akta 150)*, ILBS: Kuala Lumpur.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2012. *Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670)*, ILBS: Kuala Lumpur.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2005. *Akta Pekerjaan 1955 (Akta 265) & Peraturan-Peraturan dan Perintah*, ILBS: Kuala Lumpur.

McGahan, K., 2008. *Managing Migration: The Politics of Immigration Enforcement and Border Control in Malaysia*, Phd Thesis, University of Wisconsin-Madison.

Martin, Philip and Mark Miller, 2000. "Smuggling and Trafficking: A Conference Report, *International Migration Review 34(3)*: halaman 969-975

Massey, D. S (et al), 1993. "Theories of International Migration: A Review and Appraisal," *Population and Development Review*, 19(3), halaman 431-466.

Richrads, Kathy, 2004. "The Trafficking of Migrant Workers: What are the Links Between Labour Trafficking and Corruption?", *International Migration* 42(5): 147-168

Roemer, John, 1986. "Should Marxists be Interested in Exploitation", John Roemer (ed). *Analytical Marxism: Studies in Marxism and Social Theory*, Cambridge: Cambridge University Press

Ruggiero, V, 1997. "Trafficking in Human Beings: Slaves in Contemporary Europe", *International Journal of the Sociology of Law*: 231-241

Schloenhardt, A., 2001. "Trafficking in Migrants: Illegal Migration and Organized Crime in Australia and the Asia Pacific Region", *International Journal of the Sociology of Law Vol. 29*: 331-378

Stephens, Sarah and Mariska Van Der Linden. 2005. "Trafficking of Migrant Workers from Albania: Issues of Labour and Sexual Exploitation", Working Paper In Focus Programme on Promoting the Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work, Geneva: International Labour Office.

United Nations, 2000. *Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Person, especially women and Children*, New York: United Nations

US Department of State, 2008. *Trafficking in Person Report*, Washington DC: Department of State.

